

Bukan kempen secara mengejut

Rakyat Selangor beri sokongan, maklumbalas positif

HASNIZA HUSSAIN

SHAH ALAM - Pelaksanaan kempen #BebasPlastik yang dilancarkan kerajaan Selangor dan diperluaskan kepada tujuh hari bermula 1 Januari lalu, mendapat maklum balas positif daripada masyarakat di negeri ini.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong berkata, walaupun baharu empat hari pelaksanaannya, ramai yang menyatakan sokongan terhadap kempen ini kerana ia bukan satu kempen mengejut.

"Kempen berjalan lancar, sambutan memuaskan, malah ramai yang bebas plastik sejak 2010 lagi.

"Kebanyakan para peniaga memang nyatakan sokongan yang sangat bagus terhadap #BebasPlastik dan ini jelas apabila banyak pasarnya dan pusat beli-belah di Selangor sudah memulakan kempen tersebut dengan meletakkan notis pemberitahuan atau info-info yang menggalakkan orang ramai membawa beg beli-belah setiap hari bagi mengurangkan penggunaan beg

plastik," katanya ketika dihubungi Sinar Harian, semalam.

Beliau berkata, bagi memastikan pelaksanaan kempen ini konsisten, kerajaan negeri akan membuat pemantauan kesedaran orang awam serta peniaga dari semasa ke semasa, selain mempertingkatkan penguatkuasaan.

"Kita nasihatkan orang awam atau pengguna untuk sentiasa membawa beg beli-belah, bekas makanan serta bekas minuman sendiri.

"Bantu didik anak-anak kecil dan remaja kerana itulah masa yang terbaik untuk membentuk tabiat yang baik. Ini tahun baru, azam baru dan tabiat juga perlu tabiat baru,"katanya.

Menurutnya, jika orang awam tidak membawa beg sendiri ketika membeli-belah dan memerlukan beg plastik, mereka akan dikenakan bayaran 20 sen bagi setiap pembelian beg plastik bermula Isnin lalu selaras dengan kempen.

Kerajaan negeri tak ambil 20 sen

Sementara itu, mengulas pertanyaan segelintir pengguna tentang ke mana wang 20 sen yang dibayar untuk pembelian setiap beg plastik, Elizabeth berkata, wang itu dikutip oleh peniaga dan ia perlu direkodkan dalam resit.

"Kerajaan negeri tidak kutip atau simpan setiap 20 sen yang dibayar pengguna untuk pembelian beg plastik.

"Ia terpulang kepada peniaga itu sendiri tapi kerajaan negeri syorkan kutipan tersebut disumbangkan kepada program tanggungjawab sosial yang disokong atau dibantu oleh perniagaan tersebut," katanya.

Dalam perkembangan sama, Elizabeth menasihatkan peniaga kecil yang 'pening kepala' untuk mendapatkan pembekal selepas kerajaan negeri turut mengharamkan peng-

gunaan bekas polisterina supaya merujuk kepada pihak berkuasa tempatan.



ELIZABETH

